



**PEJABAT PELAJARAN DAERAH JASIN,  
77000 JASIN, MELAKA**

Pejabat Am : 06-5292878 / 06-5292664 / 06-5296901  
Faksimili : 06-5291037 (PENTADBIRAN)  
: 06-5293932 (KEWANGAN)  
E-mail : ppdjasin@ppdjasin.edu.my  
Laman Web : <http://www.ppdjasin.edu.my>



Ruj. Kami:PPDJ.UPPK.KOKU -700/15/5  
Tarikh : 23 Julai 2010

**Pengetua,  
Sekolah-sekolah Menengah  
Daerah Jasin,  
Jasin, Melaka.**

Tuan,

**PERTANDINGAN MENULIS ESEI DAN PUISI WARISAN 1 MALAYSIA UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH  
MENENGAH 2010**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Warisan Negara, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia akan menganjurkan satu pertandingan mengarang esei dan puisi 1 Malaysia kepada murid-murid sekolah menengah seluruh Malaysia.

3. Sehubungan dengan itu Unit Ko Kurikulum PPD Jasin amat berbesar hati sekiranya pihak tuan dapat menggalakkan pelajar-pelajar sekolah tuan untuk menyertai pertandingan ini. Tarikh akhir penyertaan ialah sebelum atau pada 11 Ogos 2010.

4. Bersama-sama ini disertakan poster dan Borang penyertaan pertandingan mengarang esei dan puisi 1 Malaysia untuk kegunaan pihak tuan.

Segala kerjasama dan keperihatinan yang pihak tuan berikan amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan tugas,

  
( AHMAD KAMAL B. RAMTAN )  
Timb. Pegawai Pelajaran Daerah Jasin

S.k. 1. Ketua Unit PK PPD Jasin

# Pertandingan Mengarang

## Esei dan Puisi Warisan

Tema Pertandingan: **Warisan Malaysia**

Jabatan Warisan Negara  
Kementerian Penerangan,  
Komunikasi dan Kebudayaan



Tarikh tutup penyertaan: **11 Ogos 2010**

Hadiah bagi setiap kategori :  
**Hadiah Pertama : RM 1000.00 dan hadiah untuk sekolah**  
**Hadiah Kedua : RM 750.00 dan hadiah untuk sekolah**  
**Hadiah Ketiga : RM 500.00 dan hadiah untuk sekolah**

### Pengenalan

Warisan merupakan sesuatu yang ditinggalkan oleh generasi terdahulu dan dapat dilihat oleh generasi pada hari ini. Mengikut Akta Warisan Kebangsaan 2005, warisan diklasifikasikan sebagai tapak warisan, objek warisan, warisan kebudayaan bawah air dan warisan orang hidup serta warisan alam semulajadi. Warisan-warisan ini terdapat di mana sahaja dan ia dimiliki oleh anda semua. Keindahan puisi juga merupakan seni warisan yang menjadi nilai jati diri masyarakat negara. Terciptanya sebuah puisi menambahkan khazanah warisan negara dan penciptanya menjadi seorang seniman untuk negara.

### Objektif

1. Menanamkan semangat cinta terhadap warisan negara di kalangan pelajar sekolah.
2. Menggalakkan pelajar sekolah memahami dan mengingati warisan yang terdapat di sekitar kawasan mereka.
3. Menggalakkan pelajar sekolah agar berkebolehan mencipta seni puisi warisan tak kelara.
4. Memastikan seni budaya negara tidak pupus ditelan zaman.

### Kaedah penyertaan peraduan mengarang esei dan puisi

1. Peserta boleh menghantar seberapa banyak esei atau puisi.
2. Semua penyertaan mestilah yang asal dan bukan ditiru dari karangan orang lain.
3. Karangan mestilah ditaip di atas kertas putih A4.
4. Tajuk esei adalah pilihan peserta sendiri.
5. Segala kos yang terlibat untuk menyertai pertandingan ini adalah ditanggung oleh peserta sendiri.
6. Setiap esei dan puisi hendaklah ditaip, berselang dua baris di atas kertas putih bersaiz A4, mengguna font bersaiz 12 (*Times New Roman*)
7. Setiap esei dan puisi hendaklah bertajuk masyarakat Malaysia dan warisan Malaysia.
8. Semua penyertaan hendaklah mempunyai maklumat yang lengkap mengenai butiran peserta.

### Terma dan syarat

1. Pertandingan ini terbahagi kepada dua kategori:
  - a) Pelajar Sekolah Menengah Rendah - **Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga. (tidak melebihi 1000 patah perkataan)**
  - b) Pelajar Sekolah Menengah Atas - **Tingkatan Empat hingga Tingkatan Enam. (tidak melebihi 2000 patah perkataan)**
2. Pertandingan ini terbuka kepada semua pelajar sekolah di-Malaysia.
3. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
4. Setiap penyertaan mestilah mendapat pengesahan dari pihak sekolah.
5. Bukti penghantaran bukanlah bukti penerimaan.
6. Semua penyertaan tidak akan dikembalikan dan menjadi hak milik Jabatan Warisan Negara. Pihak jabatan juga berhak untuk menerbit dan meminda mana-mana bahagian esei dan puisi yang hendak diterbit tanpa notis atau pembayaran kepada peserta.
7. Penyertaan akan dihakimi oleh panel yang dilantik oleh pihak Jabatan Warisan Negara.
8. Penyertaan karangan esei dan puisi hendaklah tiba sebelum atau pada 11 Ogos 2010 kepada:

**Jawatankuasa Pertandingan  
Pertandingan Mengarang Esei dan Puisi Warisan,  
Jabatan Warisan Negara,  
Tingkat 10, Menara Chulan,  
Jalan Conlay, 50450  
Kuala Lumpur**

9. Pihak pengasas berhak membatalkan penyertaan jika melanggar terma dan syarat.
10. Keputusan pengadil adalah muktamad dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.
11. Pemenang akan dimaklum secara rasmi dan majlis penyampaian hadiah akan disampaikan oleh YB Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan pada 25 November 2010. Pemenang akan diminta hadir ke majlis tersebut untuk menerima hadiah.

### Maklumat Peserta

Nama: ..... No KP: .....

Umur: ..... Tingkatan: ..... Warganegara: .....

Alamat Sekolah: .....

Tel. Sekolah: ..... Tel. Rumah: .....

Pengesahan Dari Sekolah: ..... Nama Guru: .....

Tandatangan Guru: .....

Cop Sekolah: .....